

TAN SRI HAJAH ZAINUN BT, SULAIMAN  
( IBU ZAIN )

- Perjuangan Ibu Zain Sulaiman

oleh:

Lily Azian Bt Abdullah.

14333

Tugasan HSM 412/4 ini adalah salah satu  
kertas yang diperlukan untuk mendapatkan  
anugerah Ijazah Sarjana Muda Sastera  
yang dianjurkan oleh Pusat pengajian Ilmu  
Kemanusiaan di Universiti Sains Malaysia.

1988\*



Pra Kata

Di dalam usaha saya menulis tugasan ini, banyak pihak yang telah menyumbangkan turjuk ajar dan bimbingan. Dengan ini, saya merakamkan rasa terima kasih yang tidak terhingga.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada kaki tangan perpustakaan Universiti Sains Malaysia, yang bersusah payah membantu saya mencari dan menge-syorkan bahan-bahan bacaan untuk saya.

Ucapan yang sama juga dirakamkan kepada kaki-tangan Arkib Negara Malaysia yang banyak membantu saya mencari bahan-bahan rujukan yang saya perlukan. Untuk semua yang terlibat, jutaan terima kasih dihulurkan.

## Pendahuluan

Menerusi tugas ini, saya akan mengenengahkan seorang tokoh wanita yang tidak asing lagi di dalam arena politik khususnya UMNO. Beliau yang dimaksudkan ialah Tan Sri Hajah Zainun binti Sulaiman, atau lebih popular dengan gelaran 'Ibu Zain' sahaja. Saya akan menonjolkan ketokohan beliau sebagai pemimpin UMNO yang berjuang bersama-sama Datuk Onn dan kemudiannya bersama dengan Tunku Abdul Rahman. Tidak ketinggalan juga, akan dipaparkan segala jasa-jasa yang beliau taburkan di dalam bidang pendidikan dan juga usaha kebajikan beliau. Saya merasakan adalah wajar segala kegiatan beliau ditonjolkan rakyat Malaysia (terutamanya kaum wanita) banyak terhutang budi di dalam menyedarkan wanita sezaman dengannya dari mimpi.

Ibu Zain juga seorang tokoh yang tidak asing lagi di dalam bidang pendidikan, dimana beliau adalah orang yang sering melaung-laungkan tentang kepentingan pendidikan terutamanya bagi kaum wanita. Ini kerana, beliau berpendapat bahawa hanya dengan ilmu pengetahuan sahaja orang-orang melayu akan maju dan dapat menebus maruah bangsa dan negara daripada penjajahan. Di dalam usaha ini, beliau sangat menentang fahaman fanatik golongan tua yang enggan memberikan pendidikan kepada anak-anak mereka terutamanya anak perempuan. Apa yang beliau hajatkan ialah, mengumpulkan sebanyak-banyak ilmu dan ilmu itu akan digunakan untuk mengusir penjajah keluar dari tanah air.